

Asia Tenggara lebih gemar amai

UM 13 DEC 2002

TOKYO 12 Dis. — China akan menjadi kuasa besar ekonomi dan ketenteraan dunia pada masa akan datang dan ia tentunya akan menimbulkan rasa 'bimbang' di kalangan negara-negara di Asia Tenggara.

Dalam hubungan ini, negara-negara Asia Tenggara lebih gemar mengamalkan pendekatan bekerjasama dengan China daripada bertindak sebaliknya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, atas sebab itu juga, negara-negara di Asia Tenggara mengalu-alukan cadangan mewujudkan perjanjian perdagangan bebas dengan China.

"Perjanjian itu bukanlah 'bebas' dalam erti kata sebenar, tetapi akan dilengkapi syarat yang melindungi kepentingan negara-negara Asia Tenggara yang tentunya tidak boleh bersaing dengan China.

"Bayangkan dengan 1.8 bilion penduduk di China dan Asia Tenggara (500 juta penduduk di Asia Tenggara dan 1.3 bilion penduduk China), akan wujudlah satu kuasa ekonomi dan pasaran yang besar," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai masa depan hubungan perdagangan antara ASEAN dan China pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada seminar

pendekatan bekerjasama dengan China

yang diadakan sempena ulang tahun ke 20 Dasar Pandang ke Timur di Hotel Okura di sini, hari ini.

Dr. Mahathir memberitahu, Malaysia dan lain-lain negara anggota ASEAN telah mengambil keputusan untuk mengkaji cadangan mengadakan perdagangan bebas dengan China.

"Mungkin China akan meraih lebih banyak keuntungan melalui perjanjian ini, tetapi kita berharap kita boleh me-

mainkan peranan yang bermakna dalam perjanjian itu," jelas beliau.

Pada masa yang sama, katanya, negara-negara anggota ASEAN yang lain boleh mengadakan perjanjian yang serupa dengan negara seperti Korea Selatan atau Jepun.

Ketika ditanya mengenai masa depan status bumiputera yang diberikan kepada penduduk pribumi, Perdana Menteri berkata, ia akan diteruskan untuk satu jangkamasa yang akan ditentukan.

"Sebenarnya status bumiputera tidak mendatangkan masalah besar kepada bukan bumiputera kerana ia mewujudkan kestabilan yang memberikan mereka banyak peluang-peluang perniagaan," jelasnya.

Dr. Mahathir yang turut ditanya mengenai hasratnya untuk bersara memberitahu, semua dasar dan mekanisme yang diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi kini telah berada pada kedudukan yang betul. — *Utusan*